



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE- 179 BIL.27/2025**

**KEPUTUSAN PERMOHONAN RAYUAN PENEMPATAN KOLEJ KEDIAMAN BAGI
PELAJAR KANAN SEMESTER I SESI AKADEMIK 2025/2026**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sukacita dimaklumkan bahawa keputusan rasmi rayuan penempatan Kolej Kediaman akan dimaklumkan kepada pelajar yang **BERJAYA sahaja** melalui e-mel pelajar UMPSA selewat-lewatnya pada Jumaat, 1 Ogos 2025.

Pelajar yang berjaya dalam rayuan penginapan boleh membuat pemilihan bilik secara dalam talian melalui sistem MyGading bermula Isnin, 4 Ogos 2025 sehingga Jumaat, 8 Ogos 2025. Akses ke sistem pemilihan bilik hanya akan dibuka selepas pelajar menerima e-mel pengesahan daripada pihak Kolej Kediaman.

Sebarang perubahan berkenaan proses ini akan dimaklumkan melalui saluran rasmi universiti. Sehubungan itu, pelajar disarankan untuk sentiasa menyemak e-mel pelajar UMPSA dan mengikuti hebahan terkini melalui saluran rasmi bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.

Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak pelajar amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Tarikh: 28 Julai 2025